

Amalan Hibah Di Syarikat Amanah: Satu Kajian Kes Di As-Salihin Trustee Berhad

The Practice Of Hibah In Trust Companies: A Case Study In As-Salihin Trustee Berhad

Alias Azhar¹

Terima	Wasit
9 OKTOBER 2017	22 MAC 2018

ABSTRAK

Hibah adalah satu pemberian daripada pemberi kepada penerima yang dibuat atas dasar kasih sayang. Realiti pelaksanaan hibah di Malaysia mendapat sambutan dan berkembang pesat. Ini dibuktikan dengan kewujudan syarikat-syarikat komersial yang menawarkan khidmat penulisan, penyediaan dan penyelesaian masalah hibah yang wujud hampir di setiap negeri. Aspek dokumentasi merupakan perkara terpenting dalam mengelakkan pertikaian harta selepas kematian penghibah. Prosedur penyediaan borang sebagai salah satu elemen dokumentasi Hibah dari segi format, kandungan dan bentuk hibah. Kertas kerja ini memberi fokus kepada amalan hibah di As-Salihin Trustee Berhad sebagai contoh syarikat yang menawarkan produk hibah. Dokumentasi Pri Hibah As-Salihin merupakan subjek perbincangan termasuk syarat, peraturan dan kepentingan hibah sebagai instrumen penting pengurusan harta dalam Islam.

Kata kunci: *Pri Hibah, Hibah Komersial, Syarikat Amanah, Dokumentasi Hibah.*

ABSTRACT

Gifts (hibah) is one act of giving by giver to receiver made on the basis of love. Reality implementation of Hibah in Malaysia received and is growing rapidly. This is evidenced by the existence of commercial companies that offer hibah writing services, provision and problem solving that exist in almost every state. Documentation aspects of major importance in avoiding disputes over inheritance after the death of giver. Procedure of preparation as an element of hibah documentation in terms of format, content and design of hibah. This paper focuses on the practice of hibah at As-Salihin Trustee Berhad as examples of companies that offer hibah as products. Documentation As-Salihin Pre-Hibah is subject to discuss including conditions and significant of hibah as an important instrument in the Islamic asset management.

Keywords: *Pre Hibah, Commercial Hibah, Trust Company, Hibah Documentation.*

¹ Alias bin Azhar, Ph.D (Malaya), Prof. Madya, Pusat Pengajian Undang-undang, UUMCOLGIS, Universiti Utara Malaysia, az.alias@uum.edu.my.

Pendahuluan

Kecenderungan masyarakat kini yang cuba untuk menggunakan kaedah alternatif agihan harta melalui instrumen Hibah. Pemberian harta melalui Hibah adalah termasuk dalam usaha yang amat digalakkan dalam Islam (Abdul Halim El-Muhammady:2013, Md Ghazali Ibrahim: 2011) . Ia dianggap sebagai perbuatan *al-Birr wa al-Taqwa* (al-Maidah: 2).

Hibah sebagai hadiah atau sesuatu pemberian untuk menghargai atau memuliakan seseorang. Hadis Nabi: Kamu saling memberi hadiah, kamu saling mengasihi (al-Bukhari:t.t, al-Baihaqi:t.t dan al-‘Asqalani: 1979). Pemberian hadiah dapat memupuk rasa kasih sayang.

Hibah pada istilah syarak ialah suatu akad yang mengandungi pemberian milik oleh seseorang secara sukarela terhadap hartanya kepada seseorang yang lain pada masa hidupnya tanpa balasan (‘iwad)². Secara lebih khusus lagi³, hibah ialah pemberian pemilikan ‘ain harta oleh satu pihak kepada pihak yang lain semasa hidup tanpa mengharapkan apa-apa balasan (‘iwad), bahkan pemberian dibuat secara sukarela tanpa mengharapkan pahala di akhirat dan memuliakan seseorang. Akad pemberian menggunakan lafaz ijab dan *qabul* atau seumpamanya (al-Nawawi:1985, al-Khatib:t.t dan al-Ramli:1967).

Hukum hibah adalah harus dan digalakkan merujuk firman Allah yang bermaksud:

.....kemudian jika mereka dengan suka hatinya memberikan kepada kamu sebahagian daripada maskahwinnya maka makanlah (gunakanlah) pemberian (yang halal) itu sebagai nikmat yang lazat, lagi baik kesudahannya (al-Nisa’ 4: 4)

Menurut pandangan jumhur fuqaha, ayat tersebut menjadi dalil bahawa pemberian yang dilakukan oleh seorang isteri daripada maharnya kepada suaminya adalah harus. Dengan demikian, keharusan mengambil pemberian isteri menerusi hibah merupakan dalil kepada keharusan hibah (al-Qurtubi:2002; al-Qinuji:1992; al-Jassas:1992). Dalam ayat yang lain, Allah S.W.T. berfirman bermaksud:

... dan menderma seseorang akan hartanya sedang ia menyayanginya ...(al-Baqarah, 2: 177)

Dalam ayat di atas Allah S.W.T. menerangkan mengenai perkara-perkara yang dikira sebagai kebajikan (al-birr), antaranya ialah membelanjakan harta kepada jalan Allah. Menurut Ibn Kathir (1992), ayat ini bermaksud memberikan harta dalam keadaan kita bersifat kedekut dan bakhil. Menurut al-Qurtubi (2002), ayat ini adalah dalil yang jelas bagi mereka yang mengatakan bahawa dalam harta ada lagi hak yang wajib ditunaikan selain zakat. Menurut Ibn al-‘Arabi (1996), perkataan *al-ita*’ (pemberian) dalam ayat ini membawa dua erti. Pertama, pemberian biasa yang kadangkala dihukum sebagai sunat, dan dalam keadaan tertentu hukumnya wajib; dan maksud yang kedua ialah penunaian zakat fardu.

Sesuatu hibah yang telah sempurna rukunnya akan berkuat kuasa serta merta dan tidak boleh ditarik balik. Ini berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w. bermaksud: “Orang yang

² Hibah kategori umum yang merangkumi hadiah, sedekah dan ibra’ (pelepasan hutang oleh pemiutang) secara sukarela yang berkuatkuasa semasa hidup pemberi hibah tersebut.

³ Hibah kategori khusus bermaksud pemberian milikan oleh seseorang kepada yang lain tanpa balasan tertakluk kepada rukun-rukun tertentu.

meminta semula anugerahnya sama seperti orang yang menjilat semula muntahnya”.(al-Bukhari: 1987)

Di dalam satu hadis lain Rasulullah bersabda, “Tidak halal bagi seorang lelaki memberikan sesuatu pemberian atau menganugerahkan sesuatu kemudian dia memintanya semula kecuali bapa meminta semula apa yang diberikan kepada anaknya”(al-Qazwini:t.th.) Merujuk kedua-dua hadis Nabi di atas, secara umumnya difahami bahawa pemberian hibah ianya tidak boleh ditarik balik atau membatalkannya. (pindah milik/penerimaan)(al-‘Asqalani:t.t. al-Nawawi:2003 dan Abi al-Tayyib:1979). Namun setelah berlaku *al-Qabd* para khilaf mengenyainya. Sebahagian fuqaha yang berpendapat bahawa *qabd* adalah syarat lazim dalam hibah, maka hibah hanya boleh dibatalkan sebelum *qabd*. Sebaliknya, bagi fuqaha yang berpendapat *qabd* bukan syarat lazim bagi hibah, hak untuk membatalkan hibah telah luput setelah sempurna akad (iaitu selepas qabul), tanpa memerlukan *qabd* (al-Nawawi:1985; Ibn Rushd:2003 dan Ibn Hazm:2001).

Jika merujuk kepada kes Eshah binti Abdul Rahman lawan Azuhar bin Ismail (1997) 11 JH 219 adalah jelas bahawa sesuatu hibah tidak boleh ditarik balik melainkan hibah daripada seorang bapa kepada anaknya. Tafsiran bapa ini termasuklah ibu dan datuk tetapi tidak termasuk ibu atau bapa angkat.

Pengecualian bagi kes menarik balik hibah hanya terhad kepada pemberian hibah seorang bapa kepada anaknya atau datuk kepada cucunya. Hukum menerima hibah pula ialah sunat dengan syarat pemberian bukan sesuatu yang haram dan dimaklumi status halalanya (‘Ali Haydar:t.th).

Rukun-rukun hibah ialah pemberi hibah (*al-wahib*), penerima hibah (*al-mauhub lahu*), benda yang dihibahkan (*al-mauhub*) dan penawaran serta penerimaan atau ijab dan qabul (*sighah*). Setiap rukun perlu tertakluk kepada syarat-syarat tertentu bagi mengesahkan keseluruhan akad hibah (al-Kasani:2003 dan Ibn Rushd:2003).

Syarat sah bagi pemberi hibah ialah merupakan pemilik yang sah ke atas harta (*al-mauhub*) dan tidak wujud halangan ke atas pemilikan dan pengurusannya. *Al-wahib* juga sempurna akal, baligh dan *rushd* (bijak menguruskan harta)(Badran al-‘Ainain:1985). Hibah dilakukan dengan rela hati tanpa paksaan atau pengaruh, jika berlaku atau didapati wujud paksaan maka hibah akan terbatal (al-Bisyuni ‘Ali:1997).

Syarat sah penerima pula, sesiapa saja sama ada muslim atau non-muslim asalkan maksudnya tidak melanggar syara’ dan penerima adalah mukallaf serta berkeupayaan memiliki dan menguruskan harta hibah. Sekiranya penerima tidak/belum mukallaf seperti belum baligh atau tidak berakal, hibah boleh diberikan kepada wali/pemegang amanahnya. Penerima juga disyaratkan wujud semasa proses hibah dijalankan (Hisham Qublan:1985).

Barangan atau harta yang dihibahkan perlu memenuhi syarat-syarat berikut (Mustafa al-Khin, et.al:2003);

- 1) Barangan atau harta halal.
- 2) Mempunyai nilai di sisi syara’.
- 3) Milikan penuh penghibah.
- 4) Boleh diserahkan.
- 5) Benar-benar wujud semasa akad.

Harta wujud secara berasingan dan boleh dipisahkan daripada harta-harta yang tidak termasuk dalam hibah. Barangan bercagar boleh dihibahkan dengan syarat mendapat keizinan daripada pemegang gadaian atau pemberi pinjam.

Sighah hibah merupakan lafaz berbentuk *ijab* dan *qabul* yang membawa makna pemberian dan penerimaan hibah. Ianya tertakluk kepada syarat-syarat berikut (Muhammad Ramiz:2003);

- 1) Ada persambungan dan persamaan di antara *ijab* dan *qabul*.
- 2) Tiada bersyarat yang tertentu.
- 3) Tidak disyaratkan dengan tempoh masa tertentu. Dalam kes hibah '*Umra*' dan '*Ruqba*' adalah sah hukumnya namun syarat tempoh masanya terbatal.

Perbincangan hibah turut melibatkan elemen *al-qabd* yang bererti mendapat sesuatu, menguasai dan boleh melakukan *tasarruf* (pengurusan) terhadap barangan atau harta (al-Kasani:2003). Dalam konteks amalan hibah di syarikat-syarikat yang menyediakan perkhidmatan atau produk hibah, kedudukan *qabd* adalah penting untuk diperhatikan bagi menentukan kedudukan sesuatu produk hibah dari segi syarak.

Di sini wujud perbezaan pendapat mengenai syarat penerimaan sebagai kesahan hibah. Perbezaan pandangan tersebut dapat diringkaskan seperti berikut; pertama; pendapat Imam al-Thauri, Abu Hanifah, al-Shafi'i dan satu riwayat daripada Imam Ahmad, *qabd* ialah syarat *luzum* (Ibn Qudamah:t.th) atau syarat sah hibah (Ibn Rushd:1996). Akad hibah tidak berkuat kuasa hanya dengan *ijab* dan *qabul* sahaja tanpa *qabd* (al-Nawawi:1995). Oleh itu, pemberi hibah boleh menarik balik hibahnya pada bila-bila masa selagi ia masih berada dalam pemilikannya atau tidak berlaku penyerahan harta yang dihibahkan kepada penerima. Kedua; pandangan Imam Ahmad Ibn Hanbal seperti direkodkan oleh Inas Abbas Ibrahim (1993) menyatakan bahawa dalam salah satu daripada riwayat Iman Ahmad, beliau menjadikan *qabd* sebagai syarat sah hibah bagi sesuatu yang diukur atau ditimbang sahaja. Ketiga; bagi Imam Malik pula, *qabd* ialah syarat sempurna hibah bukan syarat sah atau *luzum* kerana hibah adalah sah hanya dengan akad iaitu dengan *ijab* dan *qabul* (Ibn Rushd:1996). Terakhir; menurut Imam Ahmad, Abu Thaur dan mazhab Zahiri, *qabd* bukan merupakan salah satu daripada syarat hibah. Ia bukan syarat sah mahupun syarat sempurna hibah bahkan hibah sah hanya dengan akad (Ibn Qudamah:t.th). Ertinya akad hibah tidak sempurna dan tidak boleh dikuatkuasakan dengan *ijab* dan *qabul* semata-mata kecuali selepas berlaku *al-Qabd*.

Al-Qabd direalisasikan mengikut jenis harta sama ada harta tak alih atau alih (Majallat Majma' al-Fiqh al-Islami:1990). Bagi harta tak alih, *al-Qabd* boleh berlaku dengan cara mengosongkan harta itu, menguasainya dan melakukan *tasarruf* seperti menyerahkan kunci rumah. Bagi harta alih pula, melalui kaedah memindahkan atau mengasingkan harta tersebut daripada harta-harta yang tidak termasuk dalam Hibah.

Jenis harta yang boleh dihibahkan ialah semua jenis harta yang menjadi milik sah pemberi hibah seperti hartanah (rumah, tanah, kondominium dan apartment), saham syarikat (Sdn. Bhd. atau Berhad), saham unit amanah, polisi insurans atau Takaful dan lain-lain harta bernilai yang boleh dimiliki dan dipindah milik (Othman Yaakob: 2008).

Tujuan dan kesan hibah ialah semata-mata ingin memenuhi kehendak penghibah berkenaan kepada siapa yang dia ingin berikan hartanya (Ahmad Hidayat: 2002). Contohnya seorang ibu yang ingin menghibahkan rumahnya kepada anak angkatnya. Beliau boleh

mengisytiharkannya melalui dokumen hibah. Secara automatik rumah yang dihibahkan akan terkeluar daripada senarai harta pusaka setelah kematiannya dan tidak akan difaraidkan kepada ahli waris. Sesiapa saja boleh melakukan hibah ke atas hartanya kepada sesiapa saja yang dikehendakinya.

Metodologi Kajian

Kajian yang telah dijalankan adalah berdasarkan dua bentuk utama yang digarapkan bersama iaitu kualitatif dan kajian lapangan. Metode kualitatif boleh definisikan sebagai usaha untuk mencari dan memberikan keterangan serta pemerhatian bukan numerikal walaupun terdapat keterangan yang merujuk kepada statistik. Kebanyakan kajian dalam bidang ini memberikan keterangan, interpretasi, atau makna dalam sesuatu proses komunikasi. Kaedah ini juga lebih merupakan usaha untuk memberikan keterangan tentang sifat dan keadaan manusia dengan menggunakan pandangan umum tentang apa-apa saja tindakan sosial.

Justeru, penyelidikan kualitatif tidak tertumpu ke arah pengutipan maklumat yang banyak. Sebaliknya, kaedah ini berusaha untuk memperoleh maklumat berkualiti dengan memberikan tumpuan terhadap sampel yang kecil (Azizah Hamzah, 2010). Penulis menjadikan syarikat As-Salihin Trustee sebagai sampel fokus daripada kategori syarikat amanah yang menawarkan hibah sebagai produk berbentuk komersial. Selain itu, produk perkhidmatan Pri-hibah merupakan produk terpenting berkaitan hibah yang menjadi tema kajian.

Kajian turut menggarap bentuk analisis kandungan (Content analysis). Penyelidik telah berusaha menganalisis dokumen untuk diketahui isi dan makna yang terkandung dalam dokumen tersebut (Nazir, 1885; Ratna, 2004; dan Muhadjir, 2003). Antara dokumen yang dijadikan data penyelidikan ialah website pihak syarikat responden, gambar, grafik, laporan, buku teks, surat khabar, prospektus syarikat, borang-borang hibah, dan majalah berkaitan. Penulis melakukan penelitian dan pengolahan serta perbandingan terlebih dahulu sebelum membuat sesuatu kesimpulan. Penggunaan metode dokumentasi bertujuan mengkaji latar belakang syarikat, pengumpulan data tentang realiti penawaran produk hibah komersial di Malaysia.

Bentuk kajian lapangan berasaskan temubual merupakan salah satu bentuk penyelidikan sosial (Anwarul Yaqin, 2007) yang merupakan satu interaksi sosial bertujuan mengumpul maklumat bagi tujuan kajian. Sesi ilmiah bercorak perbualan terbuka dengan responden atau informen berotoriti berkenaan tema kajian akan dijalankan. Temubual merupakan interaksi bersemuka antara penemubual dan responden. Temubual dijalankan dengan tujuan memperoleh maklumat daripada responden kajian secara lisan (Chua Yan Piaw, 2011). Menurut Denzin (2001), temubual haruslah lebih daripada hanya digunakan sebagai alat pengumpulan maklumat, ia perlulah bersifat reflektif dan dapat mencerminkan kehidupan dan keadaan yang sebenar mengenai suatu fenomena. Bagi mendapatkan maklumat yang lebih tepat dan jelas, pengkaji menggunakan metode temubual dengan menggunakan teknik berstruktur dan separa struktur untuk memperolehi maklumat yang diperlukan.

Penulis telah melakukan temu bual terhadap responden yang terlibat secara langsung dalam syarikat As-Salihin Trustee. Mereka merupakan para informen dalam temubual ini. Penulis juga memohon kebenaran kepada para responden yang terlibat untuk merakamkan

sesi temubual ini dengan menggunakan pita rakaman. Berikut ialah senarai responden yang telah ditemu bual oleh para penulis;

1. Encik Abd. Rahaman Rasid, Perancang Harta Pusaka Islam Kanan, As-Salihin Trustee.
2. Encik Mohd Irwan Abu Zahar, Ketua Jabatan Undang-undang & Dokumentasi, As-Salihin Trustee Berhad.

Hibah Di Malaysia

Di Malaysia, hibah adalah terletak di bawah bidang kuasa Negeri berdasarkan Perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan yang dibaca bersama dengan butiran 1, Senarai II, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan iaitu seperti yang berikut:

i) *Perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan:*

“Hal Perkara undang-undang persekutuan dan Negeri

74. (1) ...

(2) Tanpa menjejaskan apa-apa kuasa untuk membuat undang-undang yang diberikan kepadanya oleh mana-mana Perkara lain, Badan Perundangan sesuatu Negeri boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Negeri (iaitu Senarai Kedua yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan) atau Senarai Bersama.”

ii) *butiran 1, Senarai II, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan:*

“Kecuali mengenai Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang-orang yang menganut agama Islam termasuk hukum Syarak yang berhubungan dengan ... pengangkatan, kesahatarafan, penjagaan, alang, pecah milik dan amanah bukan khairat; ...; keanggotaan, susunan dan tatacara mahkamah Syariah, yang hendaklah mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang yang menganut agama Islam dan hanya berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, ...”

Berdasarkan peruntukan di atas, perkara berkaitan “alang” adalah termasuk di bawah kuasa Negeri. Sehubungan dengan itu, Negeri mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang berhubung dengannya. “Alang” menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2005) adalah hadiah atau pemberian.

Kuasa Negeri berhubung perkara tersebut juga turut diiktiraf oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes Latifah bt Mat Zin lawan Rosmawati bte Sharibun & Satu Lagi [2007] 5 MLJ 101. Selaras dengan kuasa yang diberikan kepada Negeri-Negeri berhubung perkara tersebut, mahkamah Syariah telah diberikan bidang kuasa untuk mendengar kes berkaitan perkara tersebut. Sebagai contoh, di Wilayah Persekutuan, kuasa Mahkamah Syariah berhubung perkara tersebut diperuntukkan di bawah sub perenggan 46(2)(b)(v) dan (vi), Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505] yang memperuntukkan seperti yang berikut:

“Bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah

46. (1)

(2) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah—

(a) ...;

(b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding dalam mana semua pihak adalah orang Islam dan yang berhubungan dengan—

...

(v) wasiat atau alang semasa marad-al-maut seseorang si mati Islam;

(vi) *alang semasa hidup, atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang memadai dengan wang atau nilai wang, oleh seseorang Islam;*”.

Di Malaysia, tiada peruntukan khusus peruntukan mengenai hibah yang diperundangan. Setakat ini, kita hanya mengaplikasi peruntukan berkenaan bidang kuasa Mahkamah Syariah yang termaktub di dalam Butiran 1, Senarai II, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan tersebut menyebut terma “pemberian”. Peruntukan tersebut menunjukkan bahawa hibah adalah sebahagian urusan yang diletakkan di bawah pentadbiran agama Islam di setiap negeri dan secara langsung melibatkan bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Jadual 1: Peruntukan Terma Hibah Dalam Enakmen Negeri-negeri

BIL	NEGERI	ENAKMEN/ORDINAN	PERUNTUKAN
1	Johor Darul Takzim	Enakmen 16 Tahun 2003 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 Bahagian iv - Mahkamah Syariah	Fasal 61. Bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah. (3) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah (b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan (v) wasiat atau alang semasa marad-al-maut; (vi) alang semasa hidup, atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang memadai dengan wang atau nilai wang, oleh seorang orang Islam;
2	Melaka	Enakmen 7 Tahun 2002 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 Bahagian iv – Mahkamah Syariah	Seksyen 49. Bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah (3) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah- (b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu ialah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan- (vi) alang semasa hidup, atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang memadai dengan wang atau nilai wang oleh seorang orang Islam;

- 3 Selangor Darul Ehsan Enakmen 1 Tahun 2003
Enakmen Pentadbiran Agama
Islam (Negeri Selangor) 2003
Bahagian iv - Mahkamah
Syariah
- Seksyen 61. Bidang kuasa
Mahkamah Tinggi Syariah.**
(3) Mahkamah Tinggi Syariah
hendaklah—
(b) dalam bidang kuasa malnya,
mendengar dan memutuskan semua
tindakan dan prosiding jika semua
pihak dalam tindakan atau prosiding
itu adalah orang Islam dan tindakan
atau prosiding itu adalah
berhubungan dengan—
(v) wasiat atau alang semasa *marad-
al-maut*;
(vi) alang semasa hidup, atau
penyelesaian yang dibuat tanpa
balasan yang memadai dengan wang
atau nilai wang, oleh seorang
orang Islam;
- 4 Perak Darul Ridzuan Enakmen 4 Tahun 2004
Enakmen Pentadbiran Agama
Islam (Perak) 2004
Bahagian iv - Mahkamah
Syariah
- Seksyen 50. Bidang kuasa
Mahkamah Tinggi Syariah.**
(3) Mahkamah Tinggi Syariah
hendaklah--
(b) dalam bidang kuasa *mal nya*,
mendengar dan memutuskan semua
tindakan dan prosiding jika semua
pihak dalam tindakan atau prosiding
itu ialah orang Islam dan tindakan
atau prosiding itu adalah berhubung
dengan-
- (v) wasiat atau alang yang dibuat
semasa *marad-al-maut*;
(vi) alang semasa hidup, atau
penyelesaian yang dibuat tanpa
balasan yang memadai dengan wang
atau nilai wang oleh seorang
orang Islam;
- 5 Pulau Pinang Enakmen 7 Tahun 1993
Enakmen Pentadbiran Hal
Ehwal Agama Islam Negeri
Pulau Pinang
Bahagian iv - Mahkamah
Syariah
- Seksyen 48. Bidang kuasa
Mahkamah Tinggi Syariah.**
(2) Mahkamah Tinggi Syariah
hendaklah-
(b) dalam bidang kuasa malnya,
mendengar dan memutuskan semua
tindakan dan prosiding dalam mana
semua pihak adalah orang Islam dan
yang berhubungan dengan-
(vi) alang semasa hidup, atau
penyelesaian yang dibuat tanpa
balasan yang memadai dengan wang
atau nilai wang, oleh seseorang
Islam;
- 6 Kedah Darul Aman Enakmen 8 Tahun 2008
Enakmen Mahkamah Syariah
(Kedah Darul Aman) 2008
- Seksyen 13. Bidang kuasa
Mahkamah Tinggi Syariah**
(3) Mahkamah Tinggi Syariah
hendaklah—

7	Perlis	Enakmen 4 Tahun 2006 Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 (Perlis) Bahagian iv-Mahkamah Syariah	<p>(b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding dalam mana semua pihak adalah orang Islam dan yang berhubung dengan—</p> <p>(v) wasiat atau alang semasa marad-al-maut seseorang si mati Islam;</p> <p>(vi) alang semasa hidup, atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang memadai dengan wang atau nilai wang, oleh seseorang Islam;</p> <p>Seksyen 61. Bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah</p> <p>(3) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah-</p> <p>(b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubung dengan-</p> <p>(v) wasiat atau alang semasa marad-al-maut;</p> <p>(vi) alang semasa hidup, atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang memadai dengan wang atau nilai wang, oleh seorang orang Islam</p>
8	Terengganu Darul Iman	Enakmen 3 Tahun 2001 Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 Bahagian iii - Perlantikan Hakim Dan Bidang Kuasa Mahkamah Syariah	<p>Seksyen 11. Bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah.</p> <p>(3) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah-</p> <p>(b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubung dengan-</p> <p>(v) wasiat atau alang semasa marad-al-maut;</p> <p>(vi) alang semasa hidup, atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang memadai dengan wang atau nilai wang, oleh seorang orang Islam;</p>
9	Sabah	Enakmen 6 Tahun 2004 Enakmen Mahkamah Syariah 2004(Sabah) Bahagian ii - Mahkamah Syariah Penubuhan Dan Bidang Kuasa	<p>Seksyen 11. Bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah.</p> <p>(3) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah-</p> <p>(b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua</p>

10	Sarawak	<p>Ordinan 42 Tahun 2001 Ordinan Mahkamah Syariah, 2001 (Sarawak) Bahagian ii – Mahkamah Syariah Penubuhan Dan Bidang Kuasa</p>	<p>pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan – (vi) alang semasa hidup (<i>hibbah</i>), atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang memadai dengan wang atau nilai wang oleh seseorang orang Islam; Seksyen 10. Bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah. (3) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah – (b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan – (vi) alang semasa hidup (<i>hibbah</i>), atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang memadai dengan wang atau nilai wang oleh seseorang orang Islam;</p>
11	Kelantan Darul Naim	<p>Enakmen 3 Tahun 1982 (Kelantan) Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1982 Bahagian iii – Bidangkuasa Mahkamah Syariah</p>	<p>Seksyen 9. Bidangkuasa Mahkamah Qadhi Besar. Mahkamah Qadhi Besar hendaklah: (2) Dalam bidangkuasa sivilnya, mendengar dan memutuskan segala tindakan dan perbicaraan dalam mana pihak-pihak berkenaan semuanya beragama Islam dan yang berkenaan dengan: (vi) alang hayat (<i>hibah</i>) atau membatalkannya;</p>
12	Pahang Darul Makmur	<p>Enakmen 3 Tahun 1991 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991(Pahang) Bahagian iii - Mahkamah Syariah</p>	<p>Seksyen 47. Bidangkuasa Mahkamah Tinggi Syariah. (2) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah - (b) dalam bidangkuasa mal, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding dalam mana semua pihak adalah orang Islam dan yang berkaitan dengan - (v) wasiat atau pemberian semasa hampir maut (<i>maradhul maut</i>) seseorang si mati Islam; (vi) pemberian semasa hidup atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang mencukupi dengan wang atau nilai wang oleh seseorang Islam;</p>
13	Negeri Sembilan	<p>Enakmen 10 Tahun 2003</p>	<p>Seksyen 61. Bidang kuasa</p>

Enakmen Pentadbiran Agama
Islam (Negeri Sembilan) 2003
Bahagian iv - Mahkamah
Syariah

Mahkamah Tinggi Syariah

(3) Mahkamah Tinggi Syariah
hendaklah—

(b) dalam bidang kuasa *malnya*,
mendengar dan memutuskan semua
tindakan dan prosiding jika semua
pihak dalam tindakan atau prosiding
itu ialah orang Islam dan tindakan
atau prosiding itu adalah
berhubungan dengan—

(v) wasiat atau *hibah* semasa *marad-
al-maut*;

(vi) *hibah* semasa hidup, atau
penyelesaian yang dibuat tanpa
balasan yang memadai dengan wang
atau nilai wang oleh seorang
orang Islam;

Merujuk peruntukan yang terkandung di dalam Undang-undang Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri pula, terdapat tiga terma berbeza yang digunakan merujuk kepada Hibah. Terma 'alang' semasa *marad al-maut* atau semasa hidup dan 'penyelesaian yang dibuat tanpa balasan' yang diguna pakai di negeri Johor, Melaka, Selangor, Perak, Pulau Pinang, Kedah, Perlis, Terengganu, Sabah dan Sarawak. Sementara Negeri Sembilan menggunakan terma spesifik 'Hibah', dan Pahang menggunakan terma 'pemberian', manakala Kelantan dengan terma 'alang hayat'.

Realiti hibah di Malaysia ialah melibatkan dokumen Hibah. Dokumentasi hibah merupakan prosedur khas yang digalakkan untuk dilakukan penghibah semasa hayatnya. Fungsi dokumen ini ialah untuk memastikan harta yang diberikan kepada orang tersayang diterima tanpa boleh dicabar oleh waris lain.

Amalan semasa, umumnya *ijab* dan *qabul* dilaksanakan secara bertulis dan ditandatangani oleh kedua-dua pihak (pemberi hibah dan penerima) serta disaksikan oleh dua orang saksi. Keadaan ini berbeza dengan hibah yang dipraktikkan masa lampau hanya secara lisan semata-mata. Ini menimbulkan kesukaran proses pembuktian apabila wujud tuntutan atau penafian hibah di mahkamah (Mohd Ridzuan Awang:2003).

Manfaat dokumen hibah secara umumnya memudahkan proses agihan harta si mati dan dapat mengelakkan pertikaian antara penerima Hibah dan waris setelah kematian pemilik harta. Manfaat lainnya ialah (Abdul Monir Yaacob: 1999);

- a) Waris tidak boleh mencabar harta yang telah dihibah.
- b) Dokumen dibuat semasa hidup tetapi pertukaran hakmilik dibuat selepas kematian.
- c) Harta boleh diberikan kepada bukan waris tanpa boleh dicabar.
- d) Harta yang dihibah terkeluar daripada harta pusaka.
- e) Pewarisan harta lebih jelas.
- f) Proses turunmilik lebih jelas.

Hibah turut diadaptasikan sebagai konsep tambahan kepada produk-produk Takaful dan diamalkan oleh kebanyakan pengendali Takaful seperti produk Pelan Pendidikan oleh Takaful Ikhlas Sdn Bhd. Sebagai contoh, produk ini ditawarkan kepada ibu bapa yang mempunyai anak. Ibu bapa bertindak sebagai pembayar sumbangan (pemberi hibah) dan

anaknyanya merupakan peserta Takaful (penerima Hibah) (Alias Azhar,et.al, 2015). Hibah seperti ini diharuskan kerana memenuhi semua rukun dan syarat.

Pengenalan Syarikat As-Salihin Trustee Berhad

As-Salihin Trustee Berhad (ASTB)(www.As-Salihin.com) adalah syarikat amanah yang pertama di Malaysia yang fokus terhadap perancangan harta pusaka Islam dibentuk di bawah Akta Syarikat 1965 dan didaftarkan di bawah Akta Syarikat Amanah 1949 (Pamphlet terbitan As-Salihin Trustee Berhad). As-Salihin ditubuhkan pada tahun 2004 untuk memenuhi keperluan umat Islam bagi memelihara, melindungi dan mengagih harta hasil titik peluh mereka supaya orang-orang yang tersayang akan beroleh manfaat apabila mereka sudah tiada lagi, matlamat As-Salihin, adalah untuk menyediakan perkhidmatan, berkaitan perancang harta, yang berdasarkan prinsip Syari'ah.

As-Salihin Trustee Bhd adalah sebuah syarikat perancangan harta bagi orang Islam terbesar di negara ini dan semua produk berasaskan prinsip Islam sepenuhnya. Lembaga Pengarah dibantu oleh Majlis Syariahnya bagi membolehkan semua produk termasuk Pri Hibah sentiasa kompetitif, mesra pengguna dan efektif apabila dilaksanakan. As-Salihin Trustee Bhd adalah antara syarikat yang menawarkan pakej lengkap perancangan harta Islam dan sebagai sebuah *one stop center* bagi memudahkan orang Islam merancang harta mereka dengan cekap dan berkesan. Selain Pri Hibah, As-Salihin menawarkan perkhidmatan pengurusan dan pentadbiran Wasiat, Harta Sepencarian, Amanah Wasiat, Amanah Hayat dan harta pusaka.

Sebagai contoh, bagi membuat Pri Hibah, pelanggan wajib membuat wasiat kerana ia adalah antara instrumen pembahagian harta pusaka dan menjadi dokumen rujukan kepada pengurusan dan pentadbiran secara total harta pusaka. As-Salihin Trustee sebuah syarikat amanah telah berada 10 tahun di pasaran dan risiko untuk tutup adalah rendah. Ini kerana syarikat ini tidak terlibat dengan aktiviti pelaburan dan hanya fokus kepada perkhidmatan perancangan harta sahaja. Syarikat ini terus berkembang perniagaannya dan kesedaran bertambah di kalangan orang Islam akan kepentingan merancang harta, membolehkan syarikat ini terus memainkan peranan unggul dalam perkhidmatan merancang dan menguruskan harta orang Islam (Mohd Irwan, 2015)

Amalan Hibah Di As-Salihin Trustee Berhad

Hibah adalah satu daripada kaedah merancang pembahagian harta dalam Islam. Selain hibah, masyarakat Islam menggunakan wasiat, perjanjian harta sepencarian, wakaf, amanah wasiat dan amanah hayat bagi merancang pengurusan dan pembahagian harta. Hibah dianggap kaedah paling berkesan bagi membahagikan harta kerana pembahagian harta berkuat kuasa serta merta apabila pemberi hibah menandatangani dokumen hibah dan penerima hibah mendapat harta hibah itu. Oleh kerana ia pembahagian semasa hidup, maka harta hibah tidak dianggap sebagai harta pusaka dan tidak tertakluk kepada hukum faraid. Instrumen hibah boleh menghindarkan perbalahan di kalangan waris dalam merebut harta pusaka.

Hibah selalunya melibatkan harta tak alih seperti kondominium, rumah teres, tanah pertanian dan lot tanah yang produktif. Ia juga merangkumi saham, simpanan tetap dan

pelaburan jangka panjang seperti ASB dan sebagainya. Amalan hibah di As-Salihin Trustee Bhd, harta yang tidak produktif seperti tanah terbiar tidak boleh dihibahkan.

Pri-Hibah ditawarkan As-Salihin merupakan produk Hibah” sebagai satu mekanisma untuk menjamin hak anak-anak setlor (penghibah). Ianya adalah suatu pemberian. (<http://www.As-Salihin.com/produk-perkhidmatan/individu/pri-hibah>).

Pri-Hibah ialah deklarasi hibah yang dilakukan oleh pemilik aset yang menyatakan bahawa beliau memberi aset tersebut kepada benefisiari dan beliau memegang aset tersebut untuk kepentingan benefisiari. Ia adalah dokumen bertulis yang mengandungi syarat dan terma penghibah memegang aset tersebut.

Produk Pri Hibah ditawarkan dalam dua bentuk iaitu individu dan keluarga. Borang Pri Hibah atau deklarasi hibah disediakan dengan kadar yuran setahun berbeza mengikut nombor klausa. Yuran pentadbiran harta pula bergantung kepada peratus dikira berdasarkan nilai kasar bagi harta alih. Sementara harta tak alih pula dibahagikan kepada dua kategori menghasilkan pendapatan atau tidak. Secara umumnya borang setebal 15 muka surat adalah lengkap dan menyeluruh kandungannya meliputi maklumat pemohon, benefisiari, harta, syarat dan peraturan serta yuran dikenakan (rujuk borang Pri Hibah As-Salihin).

Ciri-ciri dan Kelebihan Pri-Hibah(<http://pintarpusaka.com/p/hibah.html>)

Perkhidmatan Pri Hibah yang ditawarkan oleh As-Salihin akan berkuatkuasa serta merta selepas deklarasi dibuat. Selain itu, pemberian hibah daripada ibu/bapa sahaja boleh dibatalkan dan tidak tertakluk kepada hukum Faraid. Bahkan, ianya tertakluk kepada terma dan syarat di dalam Deklarasi Hibah yang telah dibuat.

Selain itu, antara kelebihan Pri Hibah ialah seperti berikut;

1. Aset Pri-Hibah tidak dianggap sebagai harta pusaka pemberi hibah (kerana ia memberi kesan serta merta mengikut terma dan syarat di dalam Deklarasi Hibah) oleh itu ianya terkeluar dari undang-undang pembahagian Faraid. Ia boleh digunakan sebagai instrument untuk membuat pembahagian sama rata untuk anak-anak.
2. Pemilik harta mempunyai kuasa untuk membatalkan Hibah.
3. Pemilik harta boleh memastikan benefisiari dijaga walaupun beliau dalam keadaan tidak berupaya.
4. Pemilik harta masih boleh menerima manfaat aset Pri-Hibah semasa beliau masih hidup dan boleh melantik seseorang untuk menjadi penjaga kepada manfaat kanak-kanak tersebut.

Perkhidmatan ditawarkan adalah patuh syariah sepenuhnya serta tidak menimbulkan keraguan kalangan pelanggan. Sehubungan itu, Pri Hibah adalah satu perkhidmatan yang menggabungkan unsur hibah dan amanah. Pri Hibah adalah satu deklarasi pemilik harta terhadap aset yang dinyatakan, di mana pihak syarikat bertindak dan bersetuju memegang aset itu bagi pihak penerima hibah (benefisiari) yang telah dinamakan. Pemilik harta bersetuju memberikan hibah kepada penerima hibah yang dipanggil Benefisiari (Abd. Rahman:2015).

Pemilik harta masih menjadi pemilik sah (legal owner) kerana tidak ada berlaku proses pemindahan harta kepada benefisiari semasa hidup pemilik harta. Dalam *tempoh*

amanah itu (bermula dari tarikh tandatangan hibah sehingga berlaku kematian pemberi hibah) pemberi hibah adalah sebagai pemegang amanah utama dan As-Salihin sebagai pemegang amanah gantian.

Pemindahan harta kepada benefisiari berlaku setelah pemilik harta meninggal dunia atau hilang upaya. Ia dilakukan oleh As-Salihin Trustee Bhd selaku pemegang amanah. Sekiranya pemilik harta memilih Pri Hibah Bersyarat, maka harta itu akan dikembalikan kepada pemiliknya sekiranya penerima hibah (benefisiari) meninggal dunia dahulu daripada pemilik harta (Pintarpusaka:2016).

Secara konsepnya, terdapat Hibah *al-'Umra* dan Hibah *al-Ruqba*. Kedua-duanya merupakan hibah bersyarat. *Al-'Umra* bermaksud pemberian semasa tempoh hidup penerima hibah atau pemberi hibah dengan syarat harta tersebut dikembalikan setelah kematian penerima hibah kepada pemberi hibah (atau waris pemberi hibah jika beliau telah meninggal dunia) (Ibn Qudamah: t.th). *Al-Ruqba* pula bermaksud suatu pemberian bersyarat yang ditentukan oleh pemberi hibah, di mana harta hibah akan menjadi milik penerima hibah sekiranya pemberi hibah meninggal dunia ('Ali Haydar:t.th). Tetapi jika penerima hibah meninggal dunia sebelum pemberi hibah maka harta hibah akan kembali kepada pemberi hibah. Merujuk amalan di As-Salihin, institusi tersebut menawarkan hibah bersyarat bercirikan hibah *al-Ruqba*.

Penarikan dan Pembatalan Hibah (rujuk Borang Pri Hibah)

Pemberi hibah hendaklah patuh dan jujur terhadap harta yang telah dihibahkan. Hibah mungkin dicabar kesahihannya oleh waris-waris sekiranya melanggar prinsip asas hibah.

(i) Menggunakan Harta Hibah

Pemberi hibah dibenarkan menggunakan hasil keuntungan/dividen/pulangan daripada harta yang dihibahkan setakat kadar yang dipersetujui dalam Surat Ikatan Pri Hibah, katakan setakat X% daripada jumlah keuntungan.

Harta yang dihibahkan tidak boleh diambil sebahagian atau semuanya, contohnya mengambil Y% daripada simpanan tetap yang telah dihibahkan. Jika ia berlaku bermakna pemberi hibah telah berniat membatalkan Pri Hibah walaupun ada kemungkinan pemberi hibah mengganti semula tunai atau harta yang telah diambil.

(ii) Menjual Harta Hibah

Harta yang telah dihibahkan tetapi dijual kemudiannya, dianggap membatalkan hibah.

(iii) Memindahmilik Harta Hibah Kepada Pihak Lain

Harta yang dihibahkan masih atas nama pemilik hibah. Sekiranya pemilik hibah menjual harta itu, maka ia dianggap membatalkan hibah.

Jika merujuk kepada konsep penarikan balik atau pembatalan hibah seperti yang telah dibincangkan sebelumnya. Pihak syarikat As-Salihin perlu membuat pengecualian bagi perkara (ii). Pengecualian bagi pemberian hibah dibuat oleh selain daripada bapa adalah tidak terbatal jika dijual. Ini bertepatan dengan konsep penarikan balik hibah hanya tertakluk dan diboleh jika pemberian hibah oleh bapa kepada anak.

Peraturan Pri Hibah

As-Salihin Trustee turut menggariskan peraturan-peraturan yang sistematik sebelum meluluskan permohonan Pri Hibah (Mohd Irwan:2015). Tujuan peraturan dibuat ialah bagi memastikan prosedur pelaksanaan dan penguatkuasaan hibah memenuhi prinsip syariah sebenar dan perundangan berkaitan. Berikut ialah peraturan-peraturan yang dikenakan:

(i) Pemberi Hibah Mestilah Seorang Yang Berkemampuan

Hibah adalah pemberian. Pemberi hibah mestilah seorang yang 'berkemampuan'. Sebagai panduan, seorang pemberi hibah mestilah memiliki aset sekurang-kurangnya RMX juta di mana aset tersebut tidak termasuk aset yang ada penama (contoh: Tabung Haji dan KWSP), harta tercagar dengan bank (pinjaman bank) yang tidak mempunyai perlindungan insurans gadaijanji (MRTA) atau takaful.

(ii) Aset Yang Mencukupi Membiayai Hutang dan Tanggungan

Pemberi hibah mestilah mempunyai jumlah aset yang mampu menjelaskan hutang-hutang dunia dan akhirat serta perbelanjaan berkaitan dengan pengurusan harta pusaka. Aset tersebut tidak termasuk aset yang ada penama seperti Tabung Haji, KWSP, takaful dan insurans.

Selanjutnya, pemberi hibah hendaklah meninggalkan sekurang-kurangnya X% daripada jumlah aset berbentuk harta pusaka. Pemberi hibah hendaklah juga mengambil kira aset yang diwasiatkan kepada bukan waris (wasiat anak angkat dan wakaf) dan harta yang telah diketepikan sebagai harta sepencarian.

(iii) Aset Bebas Dari Sebarang Halangan

Aset yang hendak dihibahkan mestilah dalam pemilikan penuh pemberi hibah. Harta yang masih dalam pembiayaan bank walaupun mempunyai gadai janji "Mortgage Reducing Term Assurance" (MRTA) tidak boleh dihibahkan kecuali pemilik harta mendapatkan surat kebenaran bank yang membolehkan ia dihibahkan kemudian. Aset yang mempunyai penama seperti KWSP dan Tabung Haji tidak boleh dihibahkan kerana As-Salihin tidak berupaya mengawal pemilikannya apabila pemberi harta meninggal dunia.

(iv) Aset Yang Sering Berubah Nilai

Simpanan bank dan akaun semasa bank biasa sering berubah nilainya setiap masa kerana ia digunakan sebagai transaksi harian. Jadi aset ini tidak sesuai dijadikan hibah.

(v) Benefisiari Mesti Menerima Faedah Serta merta Hibah

Penerima hibah atau benefisiari mestilah menerima manfaat atau faedahnya apabila menerima hibah. Sebagai contoh, hak menduduki rumah, menerima pendapatan sewa dan hasil jualan tanaman. Ini bermakna harta yang tidak produktif seperti tanah terbiar tidak boleh dihibahkan.

Seterusnya, benefisiari harus menerima X% daripada faedahnya, manakala Z% boleh terus dinikmati oleh pemilik harta atas dasar beliau masih pemilik sah (legal owner).

(vi) Pemberi Hibah Tidak Boleh Menzalimi Waris Faraid

Pemberi hibah tidak boleh menzalimi waris faraid akan hak-hak mereka kerana konsep Pri Hibah adalah pemberian semasa hidup tetapi pemberi hibah masih pemilik sah (legal owner) sehinggalah pemiliknya meninggal dunia. Pemberi hibah dalam keadaan

mempunyai anak kandung sendiri, perlu juga mempertimbangkan hak-hak dan masa depan anak sebagai ahli waris selepas kematian pemberi hibah. Pemberi hibah tidak boleh dengan 'mala fide' menafikan hak ahli waris dengan menghibahkan seluruh harta.

(vii) As-Salihin sebagai Pemegang Amanah Ganti

Apabila membuat Pra Hibah, pemilik harta (settlor) adalah Pemegang Amanah Utama, manakala As-Salihin Trustee Bhd sebagai Pemegang Amanah Ganti. Oleh itu, apabila tamat tempoh amanah, As-Salihin Trustee Bhd. berkuasa memindahkan harta daripada si mati (settlor) kepada benefisiari.

(viii) Hibah Ibu-Bapa Kepada Anak Boleh Dibatalkan

Keistimewaan hibah ialah ibu-bapa ada kuasa membatalkan hibah kepada anak-anaknya. Ibu-bapa tentu mempunyai alasan bagi membatalkan hibah yang sedang berjalan.

Aplikasi hibah amalan di As-Salihin ialah berbentuk gabungan antara hibah dan amanah. Amalan ini bertepatan dengan status As-Salihin sebagai sebuah syarikat amanah. Jenis-jenis amanah dalam Pri Hibah seperti berikut (Abd Rahman:2015);

(i) Benefisiari Dewasa

Benefisiari bersetuju menerima syarat iaitu sekiranya beliau meninggal dahulu daripada pemilik harta, harta itu akan dikembalikan kepadanya. Peraturan ini menurut penulis adalah menepati hibah *ruqba* sebagai salah satu jenis hibah bersyarat.

(ii) Benefisiari Di bawah Umur

Penjaga kepada benefisiari bersetuju menyerahkan harta sekiranya benefisiari meninggal dunia dahulu daripada pemilik harta, harta itu akan dikembalikan kepada pemiliknya.

(iii) Tanpa Persetujuan Benefisiari dan Penjaga

Hibah jenis ini biasanya tidak diberitahu oleh pemilik harta kepada benefisiari atau penjaga benefisiari (umur bawah 18 tahun), jadi persetujuan mereka tidak diperlukan. Apabila berlaku kematian benefisiari dahulu daripada pemilik harta, maka harta itu menjadi harta pusaka benefisiari dan cara pembahagian adalah tertakluk kepada Hukum Faraid.

Amalan pemberian hibah merujuk perkara (iii) adalah bertentangan rukun dan syarat hibah. Pertamanya tiada *sighah* lafaz *qabul* dalam pemberian hibah. Keduanya tiada qabd atau penerimaan secara perbuatan daripada penerima hibah. Bagi perkara kedua tidak menjejaskan hukum hibah disebabkan wujud khilaf berkenaan qabd. Namun penulis berpendapat, perkara pertama qabul yang menjadi rukun hibah perlu dipenuhi bagi memastikan hibah adalah sah.

Kesimpulan

Hibah komersial di Malaysia berperanan penting dalam memastikan kesinambungan hubungan kekeluargaan yang harmoni. Amalan Hibah adalah berkesan terutamanya kepada orang Islam yang berhasrat untuk memberikan harta tertentu mengikut formula tersendiri. Namun, setiap kontrak dalam muamalah Islam mempunyai rukun-rukun dan syarat-syaratnya yang perlu dipenuhi, termasuk juga instrumen hibah dalam aspek pentadbiran harta Islam. Akad Hibah menjadi sah setelah rukun-rukun dan syarat-syaratnya menepati syara'. Pihak syarikat perlu prihatin terhadap rukun dan syarat hibah yang telah disepakati fuqaha. Namun

pihak syarikat boleh memilih khilaf pandangan fuqaha yang terbaik dan praktikal untuk membentuk peraturan penawaran perkhidmatan hibah.

Wujud agensi yang terlibat secara aktif dalam soal pelaksanaan hibah. Hibah amanah merupakan salah satu kaedah hibah yang bercirikan integrasi antara hibah dan amanah. Realiti hibah di Malaysia ialah melibatkan dokumen hibah dan Pri Hibah. Dokumentasi hibah merupakan prosedur khas yang digalakkan untuk dilakukan pemberi hibah semasa hayatnya. As-Salihin Trustee Berhad merupakan syarikat yang beroperasi secara aktif dalam aspek pengurusan dan perancangan hibah dan menawarkan Pri hibah sebagai produk hibah yang bercirikan hibah *ruqba*.

Rujukan

Al-Quran Al-Karim Pimpinan ar-Rahman

Buku

- ‘Ali Haydar t.t., *Durar al-Hukkam Sharh Majallat al-Ahkam*, j. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Abdul Halim El-Muhammady. 2013, *Undang-Undang Muamalat & Aplikasinya Kepada Produk-Produk Perbankan Islam*, Bangi: UKM
- Abdul Rahman, M.F, 2006, *Bagaimana Mengurus Harta Pusaka*, KL:PTS Publishing
- Abi al-Tayyib Muhammad Shams. 1979, *al-‘Awn al-Ma‘bud Sharh Sunan Abi Dawud*, j. 9. Dar al-Fikr
- Ahmad Farraj Husayn. 1986. *Ahkam al-wasaya wa al-awqaf fi al-shari’ah al-islamiyyah*. Beirut: Dar al-Jami’iyyah.
- Ahmad Hidayat, 2002, *Bagaimana Membuat Wasiat*, KL:APIUM
- al-‘Asqalani, Ahmad bin ‘Ali bin Muhammad bin Hajar. 1979, *Talkhis al- Habir*, j. 3. Kaherah: Maktabat al-Kuliyyah al-Azhariyyah.
- al-‘Asqalani, Ahmad bin ‘Ali bin Muhammad bin Hajar. t.t., *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari*, j. 5. Kaherah: Dar al-Taqwa.
- al-Bahuti, Mansur bin Yunus. 1982, *Kashshaf al-Qina ‘an Matan al-Iqna’*, j. 4. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Bisyuni ‘Ali, Judah ‘Abd al-Ghani & Nasr Farid Muhammad Wasil. 1997. *Ahkam al-mirath wa al-wasiyyah fi al-shari’ah al-Islamiyyah*. t.tp.: t.pt.
- al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. (1987). *Al-Jami’ al-Sahih al-Muhtasar*. ‘et.3. . Jld. 5. Beyrut: Dar Ibn Kathir
- al-Jassas, Abi Bakr Ahmad bin ‘Ali al-Razi, 1992. *Ahkam al-Qur’an*, j. 2. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi
- al-Kasani, Abi Bakr bin Mas‘ud , 2003, *Badai ‘ al-Sanai ‘fi Tartib al-Sharai’*, j. 8. Beirut: Dar al Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Nawawi, Abi Zakariyya Mahy al-Din. 1985. *Rawdat al-Talibin*, j. 5. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- al-Nawawi, Abi Zakariyya Mahy al-Din. t.t., *al-Majmu‘ Sharh al- Muhadhdhab*, j. 15, Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Nawawi, Abi Zakariyya Mahy al-Din.2003, *Sahih Muslim bi Sharh al- Nawawi*, j. 4. Kaherah: Dar al-Manar.
- al-Qinuji, Siddiq bin Hasan, 1992. *Fath al-Bayan fi Maqasid al-Qur’an*, j. 1. Beirut: al-Maktabah al-‘Asriyyah.

- al-Qurtubi, Abu ‘Abd Allah al-Ansari, 2002. *al-Jami‘ li Ahkam al-Qur’an*, j. 5. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Anwarul Yaqin. 2007. *Legal research writing*. Malaysia: LexisNexis
- Badran Abu al-‘Aynayn Badran. 1985. *al-Mawarith wa al-wasiyyah wa al-hibbah fi al-shari’ah al-islamiyyah wa al-qanun*. Misr: Muassasah Shabab al-Jami’ah al-Iskandariyyah.
- Bukhari, Muhammad bin Isma‘il bin Ibrahim t.t., *al-Adab al-Mufrad*, j. 4. Jamamizah: Maktabat al-Adab wa Matba‘atua.
- Chua Yan Piaw, 2011, *Kaedah penyelidikan*, ed. ke-2. Kuala Lumpur :McGraw-Hill Sdn Bhd.
- Hisham Qublan. 1985. *al-Wasiyyah al-wajibah fi al-islam*. Beirut: Manshurat Bahr al-Mutawassit.
- Ibn al-‘Arabi, Abu Bakr Muhammad, 1996. *Ahkam al-Qur’an*, j. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Hazm, Abu Muhammad ‘Ali.2001, *al-Muhalla bi al-Athar*, j. 8. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Kathir, Abi al-Fida’ Isma‘il, 1992. *Tafsir al-Qur’an al-‘Azim*, j. 1. Damsyik: Dar al-Fayha’.
- Ibn Qudamah, ‘Abd Allah bin Ahmad. t.th *al-Mughni*. Juz. 6. Beirut:Dar al-Kitab al-‘Arabi.
- Ibn Rushd, Muhammad bin Ahmad, 2003, *Bidayat al-Mujtahid wa Nihayat al-Muqtasid*, j. 5. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Inas Abbas Ibrahim. 1993, *Hibah al-aba’ li abnaihlm al-hayahlm Majalah al-Shari’ah wa al-Dirasat al-Islamiyyahlm Kuwait*:
- Kamus Dewan dan Pustaka, 2005. Edisi Keempat, Kuala Lumpur: DBP
- Khatib, Muhammad al-Sharbini. t.t.. *Mughni al-Muhtaj*, j. 4. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- Majallah Majma‘ al-Fiqh al-Islami* 1990, j. 1, bil. 6.
- Majlis al-Nasyr al-‘Ilmi Fi Jamia’ah al-Kuwait. Bil. 19.
- Md. Ghazali Ibrahim. 2011, *Urus Harta Sebelum Mati*, Kuala Lumpur: Percetakan Zafar Sdn Bhd
- Mohd Zamro Muda & Mohd Ridzuan Awang, 2006, *Undang-undang Pusaka Islam: Pelaksanaan Di Malaysia*, Bangi:UKM
- Muhadjir, Noeng. 2002. *Metodologi penelitian Kualitatif*. Yogyakarta: Rake Sarasin.
- Muhammad bin Ismail al-Sanani, 1978. *Subul al-Salam*, Jil 3, Dar al-Rayyan li al-Turath, al-Qahirah.
- Muhammad Ramiz Abd al-Fattah al-Azizi. 2003. *al-Mirath wa al-wasiyyah*. Jordan: Dar al-Furqan li al-Nashr wa al-Tawzi’.
- Mustofa al-Khin, Mustofa al-Bugho & Ali al-Syarbaji. 2003. *Kitab Fikah Mazhab Syafie*. Terj. Jld 5&6 . Kuala Lumpur Pustaka Salam Sdn Bhd.
- N.K. Denzin, 2001, *Handbook of Qualitative Research*, ed. ke-2. Thousand Oaks, CA : Sage Publications Ltd.
- Nazir, Moh. 1985. *Metode Penelitian*. Jakarta: Ghalia Indonesia.
- Othman Yaakob, 2008, *Pembentukan Trust Hibah*, KL:UM
- Ramli, Muhammad bin Abi al-‘Abbas 1967, *Nihayat al-Muhtaj Ila Sharh al-Minhaj*, j. 5. Kaherah: Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh.
- Ratna, Nyoman Kutha. 2004. *Penelitian Sastra: Teori, Metode, dan Teknik*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Wahhab, Abi Muhammad, ‘Abd. 1998, *al-Ma‘unah ‘ala Madhhab ‘Alim al-Madinah*, j. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Bab Dalam Buku

- Abdul Monir Yaacob. 1999. Wasiat: konsep dan perundangan. Dlm. Abdul Monir Yaacob & Mohd. Fauzi Mustaffa (pnyt.). Pentadbiran harta menurut Islam, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Mohd. Ridzuan Awang, 2003. “Pelaksanaan Harta Hibah”, dalam *Isu Syariah dan Undang-undang*, Siri 12. Bangi: Jabatan Syariah UKM.

Jurnal

- Alias Azhar, et.al. 2015, The Practice Of Hibah In Takaful Institutions: A Case Study In Takaful Ikhlas Sdn. Bhd dlm. The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research (JMFIR) Vol. 12/No.2 2015, USIM:Nilai
- Azizah Hamzah. 2010. Kaedah Kualitatif dlm. Penyelidikan Sosiobudaya dalam Jurnal Pengajian Media Malaysia 6 (1), Kuala Lumpur: UM.

Internet

- www.As-Salihin.com 25 Januari 2015
- <http://pintarpusaka.com/p/hibah.html> 25 Januari 2015
- Temubual
- Mohd Irwan Abu Zahar, 2015, Ketua Jabatan Undang-undang & Dokumentasi, As-Salihin Trustee Berhad. Temu bual pada 16 April 2015.
- Abd. Rahaman Rasid, 2015, Perancang Harta Pusaka Islam Kanan, As-Salihin Trustee. Temubual pada 15 April 2015